



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA BAGI MINGGU EPIDEMIOLOGI KE - 17 / 2023 (23 APRIL 2023 – 29 APRIL 2023)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan pada Minggu Epidemiologi ke-17 (ME 17/2023) iaitu dari 23 April 2023 hingga 29 April 2023, sebanyak 4,963 kes COVID-19 telah dilaporkan.

Seperti yang diperhatikan dalam pelaporan data COVID-19 semasa musim perayaan beberapa tahun kebelakangan ini, sememangnya terdapat sedikit peningkatan kes, iaitu sebanyak 3.0% kes COVID-19 yang dilaporkan pada ME 17/2023 berbanding 4,817 kes yang dilaporkan pada ME 16/2023 (16 April 2023 hingga 22 April 2023).

Data dari *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) KKM juga menunjukkan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 (termasuk pesakit yang disyaki COVID-19) ke fasiliti kesihatan awam meningkat dari 4.8 bagi setiap 100,000 populasi kepada 5.8 bagi setiap 100,000 populasi pada ME 17/2023 berbanding ME 16/2023.

Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 17/2023 berbanding ME 16/2023 adalah seperti berikut:

- Pesakit kategori 1 dan 2, meningkat dari 1.4 kepada 1.8 per 100,000 populasi; manakala
- Pesakit kategori 3, 4, dan 5, meningkat dari 1.3 kepada 2.0 per 100,000 populasi.

Manakala peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 17/2023 berbanding ME 16/2023 adalah seperti berikut:

- Katil bukan kritikal, meningkat sebanyak 3.0 peratus;
- Katil Unit Rawatan Rapi (ICU), meningkat sebanyak 3.0 peratus; dan
- Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) meningkat sebanyak 0.2 peratus.

Untuk makluman, peratus pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) COVID-19 pada 4 Mei 2023 ialah 15%. Peratus pengisian katil bukan kritikal COVID-19 ialah 23% pada 4 Mei 2023.

Keadaan jangkitan COVID-19 di Malaysia masih terkawal dan perkhidmatan kesihatan serta kapasiti di hospital tidak terjejas. Majoriti pesakit yang dimasukkan ke hospital adalah golongan berisiko tinggi seperti individu dengan komorbid dan warga emas, namun peningkatan itu tidak membebankan perkhidmatan kesihatan dan hospital masih beroperasi seperti biasa.

Sehingga ME 17/2023, terdapat sebanyak 33 kluster COVID-19 yang masih aktif. Sebanyak satu (1) kluster dilaporkan pada ME 17/2023, iaitu penurunan sebanyak 75% berbanding empat (4) kluster pada ME 16/2023. Empat (4) kluster yang dilaporkan pada ME 16/2023 adalah terdiri daripada tiga (3) kluster pendidikan dan satu (1) kluster tempat kerja. Manakala satu

(1) kluster yang dilaporkan pada ME 17/2023 pula adalah kluster kumpulan berisiko yang berlaku di pusat jagaan warga emas.

KKM menjangkakan kemungkinan sedikit peningkatan kes COVID-19 akan berlaku susulan pergerakan dan perjumpaan sanak saudara dan sahabat handai ketika sambutan Hari Raya dan Hari Wesak. Sehubungan dengan itu, KKM menggalakkan orang ramai untuk memakai pelitup muka sekiranya bergejala ketika aktiviti kunjung-mengunjungi bagi melindungi keluarga, jiran dan sahabat handai daripada mendapat jangkitan COVID-19.

Sepertimana semua sedia maklum, sesi persekolahan juga telah pun bermula pada minggu ini. Bagi mengawal penularan jangkitan COVID-19 di institusi pendidikan, KKM ingin menasihatkan agar murid/pelajar, guru dan kakitangan untuk mengikuti langkah-langkah berikut:

- Kerap mencuci tangan dengan pensanitasi serta memakai pelitup muka terutamanya bagi yang bergejala atau apabila berada di tempat tertutup, sempit dan sesak;
- Membuat penilaian sendiri tahap kesihatan serta tidak hadir ke institusi pendidikan sekiranya bergejala.
- Mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sekiranya bergejala;
- Disarankan untuk mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan terdekat bagi individu positif COVID-19 dan berisiko tinggi bagi mengurangkan risiko mendapat komplikasi jangkitan yang serius;
- Mendapatkan dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan, morbiditi, dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi.

Selain itu, ibu bapa atau penjaga juga perlu mengambil peranan dan bertanggungjawab memantau status kesihatan anak dan tidak menghantar anak yang bergejala ke institusi pendidikan. KKM sentiasa komited dan akan terus memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesejahteraan rakyat untuk hidup bersama virus COVID-19 dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

5 Mei 2023 @ 9.00 pagi